

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN :      BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA        :      YB    DATUK    AZIZAH    BINTI    MOHD    DUN  
(BEAUFORT)**

**SOALAN**

**DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD DUN [ BEAUFORT ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah terkini kes jenayah kemalangan pemandu mabuk semasa Perintah Kawalan Pergerakan COVID19 dilaksanakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Statistik kemalangan jalan raya yang disebabkan oleh pemanduan berbahaya oleh pemandu di bawah pengaruh alkohol semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) termasuk PKP Bersyarat dan PKP Pemulihan yang bermula dari 18 Mac 2020 sehingga 30 Jun 2020 adalah sebanyak 99 kes. Daripada jumlah ini, tujuh (7) kes melibatkan kemalangan maut, satu (1) kes melibatkan kemalangan parah, empat (4) kes melibatkan kemalangan ringan dan 87 kes melibatkan kemalangan rosak.